

Bola lisut satukan Mujahid, Saadah

Oleh ROZIANAH RISMAN

s2@utusan.com.my

KIRA-KIRA 20 tahun lalu, Ketua Eksekutif Kolej Automotif Antarabangsa (ICAM), Pekan, Pahang, Prof. Dr. Ahmad Mujahid Ahmad Zaidi, 35, merupakan seorang pelajar yang bermasalah. Kaki pukul, ponteng sekolah, patahkan kerusi guru, pancitkan tayar kereta dan pelbagai masalah disiplin pernah dicetuskan.

Akibat perbuatannya itu dia juga pernah dibuang sekolah sebanyak dua kali. Namun, menghairankan para guru apabila dia berjaya memasuki kelas pertama sementara rakan-rakan lain berada di kelas tercorot.

Meskipun dia merupakan pelajar pintar namun ramai pelajar, terutamanya perempuan takut untuk mendekati kerana peri lakunya yang nakal.

Sehinggalah pada suatu hari ketika menyertai satu pertandingan bola lisut mewakili Sekolah Menengah Kebangsaan Penanti di Bukit Mertajam, seorang pelajar perempuan dari sekolah berlainan, Noor Saadah Razali, 35, menghampiri dan bertanyakan tip permainan tersebut.

Itulah detik permulaan hubungan Ahmad Mujahid dan wanita istimewa yang kemudiannya menjadi suri hatinya hari ini.

Pertemuan yang berakhir ke jenjang pelamin itu tidak pernah dilupakan kerana sebelum ini tidak ada seorang pun pelajar perempuan berani menyayanginya, jauh sekali menjalin hubungan persahabatan.

Semenjak pertemuan di padang bola lisut itu, hubungan mereka bertambah rapat dan surat menjadi perantaraan memandangkan mereka berlainan sekolah. Bahkan meskipun Ahmad Mujahid berpindah sekolah di Sabah, mereka masih saling mengutus surat antara satu sama lain.

"Ketika itu, telefon bimbit belum ada lagi. Jadi kami berkomunikasi dengan cara menulis surat. Selalunya kami akan berkongsi soalan-soalan peperiksaan terutama subjek Bahasa Melayu, Sains dan Matematik melalui surat.

"Yang mencuit hati apabila dia

mengutus surat, ayat dan bahasa yang digunakan tersusun cantik menyebabkan saya terpaksa berfikir macam mana nak balas surat tersebut. Lagi pula isteri saya ketika itu tidak tahu saya kepala 'gangster' di sekolah.

"Namun, perhubungan itu berterusan sehingga saya menyambung pengajian dalam bidang Ijazah Kejuruteraan Mekanikal di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (kini Universiti Tun Hussein Onn Malaysia) dan dia dalam bidang Sains Pembangunan Manusia di Universiti Putra Malaysia (UPM). Setelah memasuki tahun akhir barulah saya mempunyai telefon bimbit dan kami beralih kepada teknologi tersebut untuk saling berhubung," katanya.

Selepas tamat pengajian, Ahmad Mujahid membuat keputusan untuk meneruskan hubungan ke tahap lebih serius dan akhirnya mereka mendirikan rumah tangga pada 2003.

"Sebelum itu semasa saya berada pada tahun pertama pengajian dan isteri masih di tingkat enam, saya pernah berkunjung ke rumahnya untuk melawat ayah mertua. Pada mulanya saya agak bimbang kerana pernah melihat gambar ayahnya yang bermisai (tampak garang). Mujur, sebaik menyatakan hasrat untuk berkawan dengan anaknya, ayah mertua mengizinkan.

"Namun, apa yang membuatkan saya tertarik pada ketika itu ialah sifat keibuan yang ada pada isteri saya. Semasa kali pertama menjelak kaki ke rumahnya saya melihat dia mengajar kanak-kanak mengaji dan mengasuh anak-anak kecil. Dari situ hati saya tersentuh dan membuatkan perasaan saya bertambah suka," katanya.

Selepas berkahwin, pada tahun 2004 Ahmad Mujahid menyambung pelajaran dalam bidang Ijazah Kedoktoran (PhD) Kejuruteraan Mekanikal di Universiti Manchester selama empat tahun.

"Ketika menyambung pelajaran, saya membawa isteri bersama dan di sana dia bekerja sebagai pembantu cikgu. Apabila lahir anak pertama, Ahmad Bukhary pada 2006, isteri saya terpaksa berhenti kerja bagi memberi tumpuan menjaga dan mendidik anak sulung kami.

"Sekembalinya kami ke tanah air isteri saya bercadang mahu bekerja semula apabila anak menjangkau usia beberapa tahun, namun niat itu tidak dapat diteruskan apabila anak kedua Ahmad Muslim, 6, dilahirkan pada 2009 dan begitu juga pada tiga tahun seterusnya lahir anak bongsu kami Ahmad Lutfi.

"Akhirnya saya pun beritahu isteri saya supaya menumpukan sahaja perhatian sepenuhnya kepada anak-anak supaya mereka membesar dengan baik," katanya.

Pada awal karier Ahmad Mujahid, dia pernah bertugas sebagai pensyarah di UTHM sebelum bertukar ke Universiti Pertahanan Nasional Malaysia pada 2010 sehingga kini.

Namun pada masa sama dia turut 'dipinjamkan' ke ICAM bagi menggalas tanggungjawab membangunkan institusi swasta di bawah DRB-HICOM Berhad itu sebagai gedung ilmu yang melahirkan ramai tenaga kerja berkemahiran tinggi khususnya dalam bidang automotif.

Sementara itu tanggungjawab menguruskan rumah tangga termasuk keperluan suami dan anak-anak banyak dipikul oleh Noor Saadah. Walaupun terpaksa melupakan niatnya untuk melibatkan diri di dalam bidang kerjaya, namun dia tidak pernah menyesal malah berpuas hati apabila dapat melihat anak-anak membesar dan mendapat pendidikan dengan sempurna.

"Sudah menjadi rutin dan kebiasaan saya akan menguruskan anak-anak setiap hari. Saya akan menyediakan segala keperluan keluarga dan menghantar serta mengambil anak-anak dari sekolah.

"Walaupun suami agak sibuk bekerja, namun saya sentiasa menjelaskan kepada anak-anak apabila mereka bertanya di mana ayah, lambat kah ayah balik," katanya.

Sepanjang membina bahtera perkahwinan, suami isteri tidak pernah lari daripada pelbagai dugaan dan cabaran, namun sikap saling mempercayai antara satu sama lain menjadi teras kepada



AHMAD MUJAHID AHMAD ZAIDI bersama isteri dan anak-anak.

kebahagiaan rumah tangga.

"Resipi kebahagian kami sekeluarga meletakkan kepercayaan sebagai teras di dalam memastikan rumah tangga terus bertahan.

Karakter suami yang sangat kelakar juga sentiasa menceriakan keluarga. Dari dahulu sehingga sekarang perangainya yang pandai dan suka berlawak tidak berubah," katanya yang gemar memasak dan menjahit.

Ahmad Mujahid tidak menafikan kesibukannya bekerja sedikit sebanyak menjelaskan masa bersama keluarga dan menyebabkan hubungan dia dan isterinya sedikit renggang pada peringkat awal bertugas di ICAM namun tidak berpanjangan.

"Bekerja di ICAM memerlukan saya banyak bergerak. Jika di UPNM saya akan balik ke rumah dalam pukul 6 petang, namun apabila bekerja di sektor swasta saya selalu lambat pulang.

Pada peringkat awal isteri tidak biasa, namun lama-lama dia faham tentang tugas saya di ICAM.

"Kini waktu agak terhad memandangkan banyak tanggungjawab yang perlu dipikul di ICAM. Sungguhpun begitu saya tetap akan pastikan masa bersama keluarga akan digunakan dengan sebaik mungkin apabila tiba waktu cuti," katanya.



AHMAD MUJAHID akan memastikan masa bersama keluarga digunakan sebaik mungkin.
- S2/AHMAD ZAKKI JILAN